

NO. SOALAN: 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : **7 OGOS 2017 (ISNIN)**

SOALAN :

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pembayaran pampasan oleh Kerajaan Arab Saudi kepada ahli keluarga jemaah haji Malaysia yang menjadi mangsa kren runtuh di Mekah pada musim haji tahun 2015 dan sekiranya tiada pembayaran dibuat apakah komitmen Kerajaan bagi membantu keluarga mangsa yang terlibat.

JAWAPAN : **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran pampasan kepada mangsa tragedi runtuh kren adalah hak mutlak Kerajaan Arab Saudi. Sehingga kini, pihak Kerajaan Arab Saudi masih belum memaklumkan status

pembayaran pampasan kepada mangsa runtuhan kren pada Musim Haji 1436H/2015M.

Pada 2015, **TH** telah menyerahkan senarai nama jemaah haji yang terkorban dan tercedera akibat kejadian tersebut kepada pihak berkuasa Arab Saudi bagi tujuan mengenalpasti mangsa–mangsa dan waris mereka yang terlibat.

TH sentiasa berhubung dengan pihak berkuasa Arab Saudi bagi mendapatkan perkembangan semasa dan akan memaklumkan sekiranya terdapat sebarang maklumat terkini daripada pihak berkuasa berkenaan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Tabung Haji telah membuat pembayaran pampasan Takaful kepada 7 mangsa yang terkorban. Manfaat yang diterima oleh waris melalui Pelan Perlindungan Takaful Berkelompok merangkumi manfaat kematian akibat kemalangan sebanyak RM20,000 seorang dan khairat kematian berjumlah RM3,000 seorang. Tabung Haji juga telah memberi sumbangan wang ehsan berjumlah RM20,000 seorang kepada waris mangsa yang terkorban. Manakala sumbangan berjumlah SR1,000 sehingga SR3,000 seorang telah disalurkan kepada setiap mangsa yang cedera bergantung kepada tahap kecederaan masing-masing.

Sekian, terima kasih.